

BAHASA MELAYU LATIHAN PENULISAN

Berikan pendapat anda tentang kepentingan memelihara bangunan bersejarah di negara kita .

kedatangan	meningkat	keindahan	pengorbanan	dilupakan
memelihara	membesar	penggambaran	realistik	mengekal

Negara kita semakin maju sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Seiring dengan kemajuan negara, banyak bangunan pencakar langit yang telah di bina. Namun begitu, bangunan-bangunan bersejarah yang telah dibina sejak puluhan tahun yang lalu tidak pernah (1)_____.

Bangunan bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Kota A Famaso, dan Masjid Ubudiah masih kukuh berdiri sehingga hari ini. Persoalannya, apakah kepentingan memelihara bangunan bersejarah di negara kita ?

Kepentingan utama memelihara bangunan bersejarah ialah bangunan tersebut dapat menjadi sumber maklumat sejarah kepada generasi akan datang. Kita pastinya tidak mahu generasi akan datang (2)_____ dalam keadaan buta sejarah. Dengan adanya maklumat tentang sejarah negara, golongan muda akan sedar tentang kepentingan menjaga keamanan negara. Mereka akan menghargai(3)_____ nenek moyang yang telah Berjuang mati-matian untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajah.

S.ain itu, bangunan sejarah penting untuk menarik(4)_____ pelancong asing ke negara kita. Setiap bangunan bersejarah di negara kita mempunyai cerita sejarahnya yang tersendiri. Para pelancong asing pastinya akan tertarik untuk datang ke Malaysia kerana adanya warisan sejarah tersebut. Oleh itu, ekonomi negara kita akan (5)_____. Nama negara kita akan terkenal seantero dunia juga.

Seterusnya, pentingnya memelihara bangunan bersejarah ialah kita dapat (6)_____ keunikan seni bina bangunan tersebut. Sebagaimana yang kita sedia maklum, setiap bangunan bersejarah di negara ini memiliki seni binanya yang unik. Misalnya, Bangunan Sultan Abdul Samad jelas memperlihatkan (7)_____ seni binanya yang mempunyai pengaruh Inggeris dan Islam. Begitu juga dengan bangunan Stesen Kereta Api Tanah Melayu di Kuala Lumpur yang jelas menonjolkan ciri-ciri seni bina Islam,

Akhir sekali, bangunan bersejarah penting dalam industri perfileman . Kejayaan sesebuah filem banyak bergantung pada latar tempatnya. Untuk membuat filem berunsur sejarah, lokasi penggambarannya perlulah di sekitar bangunan bersejarah. Filem berkenaan akan menjadi lebih (8)_____ jika bangunan bersejarah sebenar yang digunakan. Hal ini dibuktikan oleh syarikat-syarikat perfileman asing yang mengadakan (9)_____ di Malaysia. Contohnya, filem *Police Story* yang membuat penggambaran di Kuala Lumpur dengan berlatarbelakangkan Bangunan Mahkamah dan Stesen Kereta Api Tanah Melayu.

Tuntasnya, terdapat pelbagai kepentingan (10)_____ bangunan bersejarah di negara kita. Janganlah kita mensia-siakan warisan yang berharga ini. Meskipun banyak bangunan yang serba moden dibina, janganlah kita lupa akan bangunan bersejarah, Kita perlulah memelihara bangunan bersejarah supaya "tak lapuk dek hujan, tek lekang dek panas".